

Bicara kes haji ekspres 25 April

KUALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen semalam, menetapkan perbicaraan selama tiga hari bermula 25 April ini kes juruanalisis sistem dan kerani Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) yang menghadapi tuduhan berasingan membuat pengubahsuaian kandungan pangkalan data sistem haji dan menerima rasuah RM6,750, dua tahun lalu.

Hakim Rosbiahanim Arifin menetapkan tarikh itu selepas Timbalan Pendakwa Raya dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Sophian Zakaria memaklumkan mahkamah bahawa pihak pendakwaan akan memanggil 15 saksi memberikan keterangan dalam kes itu.

Juruanalisis sistem di Jabatan Teknologi Maklumat, Afizul Md Yasin, 34, diwakili peguam Rusli Zain manakala kerani, Roslan Mohamed Som, 47, di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Haji, Jabatan Haji, diwakili peguam Imam Abu Sa'id Nahrawi.

Afizul hadapi tiga tuduhan berasingan membuat capaian ke pangkalan data Tabung Haji dan memasukkan nama 27 jemaah haji menggunakan program khas komputer Win SQL, yang mana perbuatannya itu menyebabkan pengubahsuaian kandungan pangkalan data sistem haji.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di tingkat 13, Jabatan Teknologi Maklumat Bangunan Ibu Pejabat

Tabung Haji di sini, pada tiga hari berbeza iaitu antara jam 11 dan 11.10 malam, 10 Jun 2010; antara jam 2 dan 3.12 petang, 12 Julai 2010 dan antara jam 10.55 dan 11.10 pagi, 14 Julai 2010.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 5(1) Akta Jenayah Komputer 1997 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 5(4) akta sama, membawa hukuman penjara maksimum tujuh tahun atau denda RM100,000 atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Roslan pula dituduh menerima rasuah RM6,750 sebagai upah daripada Shamsudin Ibrahim, yang berpeperanan sebagai orang tengah, menolong menguruskan nama 27 jemaah tidak layak menunaikan haji pada 2010 dapat pergi pada tahun itu.